



MAJLIS DAERAH JELEBU KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Taraf Bumiputera** berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Kementerian Kerja Raya, Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut :

Bil	Tajuk Projek	Taraf	Gred, Kategori & Pengkhususan	Tempat, Tarikh dan Masa Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak	Tempat dan Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen Dan Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh dan Waktu Tender Ditutup
1	MEMBINA DATARAN PERTANG DI PEKAN SIMPANG PERTANG, MD JELEBU. (MDJ.1/SP/2/1-1/2017)	Bumiputera	G3 Kategori : B dan CE Pengkhususan: B04, CE01 dan CE21	Pejabat Majlis Daerah Jelebu. Tarikh : 15 / 02 / 2018 Masa : 10.00 pagi	Bahagian Kejuruteraan dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu Tarikh : 15 / 02 / 2018 hingga 08 / 03 / 2018	RM 274.55 (Harga termasuk 6% GST) Yang Dipertua, Majlis Daerah Jelebu	Peti Tender, Bahagian Kejuruteraan dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu Tarikh : 08 / 03 / 2018 Masa : 12.00 tengahari

1. Lawatan tapak dan taklimat projek adalah diwajibkan, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Taraf Bumiputera (BPKU), SPKK dan CIDB** dibenarkan hadir lawatan tapak atau sesi taklimat. Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam **Sijil Taraf Bumiputera (BPKU), SPKK dan CIDB**
2. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu semasa waktu pejabat.
3. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank, Kiriman Wang atau Wang Pos sahaja diatas nama **Yang DiPertua, Majlis Daerah Jelebu.**
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor dikehendaki membawa surat wakil dan perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Asal Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan Kementerian Kerja Raya. Sila sertakan satu salinan photosat sijil sijil tersebut.
5. Tender ini akan ditutup pada **08/03/2018** bersamaan hari Isnin . Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Kejuruteraan Dan Pembangunan, Majlis Daerah Jelebu, Tingkat 2, Wisma MDJ, Jalan Simpang Pertang, 71600 Kuala Klawang, Negeri Sembilan Darul Khusus.** Majlis Daerah Jelebu tidak terikat untuk menerima tawaran paling murah atau sebarang tawaran lain.


YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH JELEBU